

BELIA PERLU SEDARI PERJUANGAN POLITIK MELAYU

8 SEP 1985

KELAB Umno Pakistan mahu golongan muda menyedari perlunya warisan perjuangan politik orang Melayu diteruskan.

Golongan muda mesti bertanggungjawab terhadap amanah yang di berikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno ke-36 di sini hari ini, kata Presiden kelab itu, Encik Mohd Roslan Haji Saludin.

Masalah

Menurutnya, orang Melayu perlu tanamkan semula semangat cinta dan sayangkan agama dan bangsa.

"Berdasarkan semangat itulah juga pelajar-pelajar di Pakistan

menubuhkan kelab Umno yang dianggap boleh menjadi saluran untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

"Sejak kelab itu ditubuhkan lima tahun lalu ia telah banyak membantu menyelesaikan masalah pelajar," jelas beliau.

Encik Mohd Roslan berkata inilah kali ketiga perwakilan daripada Kelab Umno menghadiri persidangan Perhimpunan Agung Umno. Kali yang pertama ialah pada tahun 1982.

Untuk persidangan kali ini, kelab itu dikehendaki menghantar dua perwakilan. Bagaimanapun oleh kerana pada masa sekarang pelajar sedang bercuti, ramai ahli-ahlinya menyertai perhimpunan itu.